

KOMPAS USHIKATA

Kompas prismatik jenis ushikata ialah sejenis kompas yang direka khusus untuk kerja dikawasan hutan berbanding dengan penggunaan set *total station*. Saiznya yang kecil dan ringan amat membantu juruukur/pegawai penempatan dalam kerja penentuan lot/ sempadan berasaskan Pelan Akui yang dirujuk. Selain itu alat ini juga boleh digunakan untuk membuat bering Qiblat. Antara kelebihan yang paling ketara ialah alat ini berupaya menunjukkan arah utara kompas iaitu utara magnet. Ia dilengkapi dengan kompas magnetik dan kanta pembesaran sehingga 12 kali. Skru kawalan mendatar dan pugak juga boleh dilaras kepada suatu objek yang diinginkan.



Rajah 1 : Kompas Ushikata

Seperti rajah di atas, pencerap/pengguna boleh merekod bacaan bering mendatar dan pugak iaitu untuk bering mendatar boleh direkod sehingga 5 minit terhampir dan untuk bacaan pugak ianya boleh direkod bacaan darjah. Perkara penting yang perlu diambil kira untuk menggunakan peralatan ini ialah kawasan kerja mestilah bebas dari medan magnetik atau kawasan yang mempunyai banyak besi.